



KONGSI KEJAYAAN

■ 1,832 terima Pentauliahan Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam

Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Sepanjang tiga tahun sebagai pegawai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), pelbagai pengalaman saya lalui antaranya tidak cukup tidur serta menjalani latihan sukan laksamana di hutan,” kata Pegawai Kadet Terbaik, Leftenan Muda Mohd Samir Hishamuddin Ainuddin, 23, dari Universiti Tujuan Hussein Malaysia (UTHM).

Mohd Samir berkata, program itu turut mendidik serta membantunya meningkatkan keyakinan diri termasuk kebolehannya bercakap dengan orang awam serta menjadikan dirinya berketrampilan.

“Banyak perubahan pada diri saya terutama keyakinan yang semakin meningkat berbanding dulu,” katanya ditemui pada Istiadat Perbarisan Diraja Pentauliahan Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke-36 2017 di Padang Kawad Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini, semalam.

Seramai 1,832 pegawai kadet PALAPES daripada 18 universiti awam ditauliahkan ke dalam Kor Askar Wataniah Tentera Darat, Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Pasukan Simpanan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V berkenan mencemar duli merasmikan istiadat berkenaan.

Bagi Leftenan Muda Susianti Bedu, 23, dia bersyukur



“
Banyak perubahan pada diri saya terutama keyakinan yang semakin meningkat berbanding dulu”
Mohd Samir Hishamuddin Ainuddin

kur menjadi seorang daripada 33 pegawai kadet PALAPES yang terpilih menjadi Pegawai Kadet Terbaik.

“Saya berbangga dan gembira dengan pengiktiran-



SUSANTI

rafan ini. Insya-Allah saya akan teruskan sebagai pegawai tentera tetap TLDM dan ibu bapa saya juga menyokong hasrat saya. Saya sememangnya berminat menjadi anggota TLDM sebelum melanjutkan diri ke PALAPES lagi,” katanya yang juga penuntut Ijazah Sarjana Muda Sejarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Leftenan Muda Nor Amalina Wahida Abdul Khalid, 23, yang juga pegawai kadet PALAPES Udara di Universiti Utara Malaysia



NOR Amalina Wahida

(UUM) menyatakan perasaan bangga dan bersyukur selepas ditauliah sebagai pegawai muda serta terpilih menjadi Pegawai Kadet Terbaik.

“Saya tidak jangka pengiktirafan ini dan berterima kasih kepada jurulatih, ibu bapa serta keluarga yang memberi sokongan dan rakan seperjuangan yang sentiasa ada bersama-sama dari peringkat junior hingga ke senior.

“Saya mungkin akan merancang kerjaya sebagai anggota tentera,” katanya.

Tarik pelbagai kaum sertai PALAPES

Shah Alam: Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V bertitah, usaha perlu ditingkatkan bagi menarik lebih ramai mahasiswa pelbagai kaum mengikuti program pegawai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).

Titah baginda, ia akan meningkatkan lagi semangat muhibah antara kaum melalui latihan yang berteraskan semangat berpasukan.

Baginda bertitah, prog-

ram PALAPES di Universiti Awam yang bermula sejak 1980-an bertujuan menyediakan bakal pemimpin dalam angkatan tetap dan pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia dalam kalangan graduan universiti.

“Sehingga kini, ia berjaya meningkatkan semangat patriotisme dalam kalanngan mahasiswa yang menyertainya.

“Beta berharap graduan yang diterapkan melalui latihan ketenteraan di PA-

LAPES menjadi warganegara yang berkualiti dan memberi nilai tambah kepada negara dan bangsa.

“Beta juga berharap usaha akan terus ditingkatkan bagi menarik lebih ramai mahasiswa dari pelbagai kaum mengikuti program ini,” titah baginda.

Baginda bertitah pada Istiadat Perbarisan Diraja Pentauliahan Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke-36 2017 di Padang Kawad Universiti Teknologi MARA (UiTM), semalam.